

ANALISA KES PENDAFTARAN POLIGAMI DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR

ANALYSIS OF POLYGAMY REGISTRATION CASES IN THE SELANGOR SYARIAH HIGH COURT

Ana Faiza Binti Md Nor¹
Rafeah Saidon^{2*}
Azri Bhari³

¹²³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

*Pengarang Penghubung : rafeahs@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-7-2025
Revised date : 10-7-2025
Accepted date : 11-8-2025
Published date : 15-10-2025

To cite this document:

Md Nor, A. F., Saidon, R., & Bhari, A. (2025). Analisa kes pendaftaran poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 1312 - 1322.

Abstrak: Perkahwinan tidak mengikut prosedur seperti nikah di sempadan tanah air atau pernikahan sindiket banyak berlaku di Malaysia terutama perkahwinan poligami. Ramai di kalangan pasangan yang mengambil jalan mudah terhadap isu pendaftaran pernikahan sehingga ada yang bertahun-tahun selepas pernikahan baru mendaftarkan pernikahan tersebut apabila ada keperluan seperti kelahiran anak atau berlaku kematian, tuntutan perceraian atau pernikahan anak-anak. Namun terdapat kes yang tidak dapat didaftarkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan dan terpaksa ditolak. Justeru itu kajian ini bertujuan menganalisa kes-kes pendaftaran poligami di mahkamah Syariah dari segi antara lain tempoh masa pendaftaran, faktor pendafaran ditolak dan , tempoh masa prosiding. Ramai yang berpendapat bahawa nikah diluar atau nikah secara sindiket mudah sahaja didaftarkan di Mahkamah dengan membayar denda dan akhirnya akan mendapat surat nikah Malaysia tanpa menyedari bahawa risiko pernikahan tidak sah juga mungkin berlaku. Objektif kajian ialah ialah menganalisa kes-kes pendaftaran poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Kajian juga menganalisa tempoh pendaftaran kes dan tempoh perbicaraan permohonan pendaftaran poligami tersebut. Bagi tujuan pengumpulan data pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen, fail-fail Mahkamah Syariah serta alasan penghakiman. Dapatan kajian mendapati bahawa 10 daripada 20 fail yang dikaji telah ditolak dengan alasan wali pernikahan adalah palsu, jurunikah palsu, jurunikah tiada tauliah sedangkan wali masih ada, menggunakan wali pakcik sebelah ibu, berwakil wali kepada ustaz yang tiada tauliah, isteri tiada bukti perkahwinan dan perceraian terdahulu, surat nikah palsu milik orang lain dan isteri gagal kemukakan bukti cerai pernikahan sebelum ini. Kesimpulan kajian ialah faktor penolakan kes pendaftaran poligami berkait rapat dengan faktor melanggar rukun nikah itu sendiri. Kajian ini sangat signifikan agar orang awam jelas dengan proses yang ada dalam peruntukkan dan undang-undang di Malaysia untuk memastikan setiap perkahwinan yang dilakukan sama ada dalam negeri mahupun di luar negeri itu adalah sah mengikut syarak dan perundangan Malaysia.

Kata kunci: Poligami, Pendaftaran, Penolakan, Mahkamah Syariah

Abstract: *Marriages that do not follow proper procedures, such as those conducted at border areas or through syndicates, are common in Malaysia, particularly in the context of polygamous marriages. Many couples take a lax approach towards the registration of their marriages, with some only registering the marriage years later when the need arises—such as the birth of a child, a death, a divorce claim, or the marriage of their children. However, there are cases that cannot be registered due to failure to meet the stipulated legal requirements, resulting in rejection. Therefore, this study aims to analyze cases of polygamous marriage registration in the Syariah Court, focusing on, among other aspects, the duration of registration, reasons for rejection, and the duration of court proceedings. There is a widespread perception that cross-border or syndicate marriages can easily be registered at the Court simply by paying a fine, eventually leading to the issuance of a Malaysian marriage certificate—without realizing that the marriage may actually be invalid. The objective of this study is to analyze polygamy registration cases in the Selangor Syariah High Court. The study also examines the time taken for case registration and the duration of court proceedings for the polygamy registration applications. For data collection, the researcher employed qualitative methods, specifically document analysis, including court case files and judicial reasoning. The findings revealed that 10 out of 20 case files studied were rejected due to various reasons such as: fake marriage guardians (wali), unaccredited marriage officiants, having a wali despite claiming otherwise, using a maternal uncle as wali, appointing an unqualified religious teacher as representative wali, wife lacking evidence of prior marriage or divorce, using someone else's fake marriage certificate, and the wife's failure to provide divorce evidence for her previous marriage. The conclusion of the study is that the main reason for rejection of polygamy registration cases is due to the violation of fundamental marriage requirements (rukun nikah). This study is highly significant in ensuring that the public clearly understands the legal and procedural frameworks in Malaysia, so that every marriage conducted—whether domestically or abroad—is valid according to Islamic law and Malaysian legislation.*

Keywords: Polygamy, Registration, Rejection, Shariah Court

Pendahuluan

Setiap insan pasti mempunyai keinginan untuk memiliki keluarga yang harmonis dan sejahtera. Islam sendiri adalah agama yang menganjurkan umatnya untuk bernikah dengan berlandaskan ajarannya termasuk membangun keluarga yang mawaddah dan warahmah. Melalui perkahwinan, seseorang itu akan dapat membina keluarga yang sakinah. Seperti mana Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

(Ar-Rum 30:21)

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Pernikahan poligami turut bertujuan untuk membina kerukunan rumahtangga agar ia selari dengan tuntutan agama dan juga merupakan satu tanggungjawab yang berat yang harus dipikul oleh setiap individu yang ingin berpoligami. Ini kerana perkahwinan poligami hendaklah melalui proses kebenaran Mahkamah, demi menjamin hak isteri-isteri dan anak-anak agar tidak timbul masalah di kemudian hari. Ini berdasarkan seksyen 23(1) Enakmen undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003. Namun kini kerap berlaku pelanggaran undang-undang dengan melakukan perkahwinan poligami tanpa kebenaran Mahkamah. Ini berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) yang menunjukkan peningkatan kes pendaftaran perkahwinan poligami berbanding pendaftaran nikah bagi yang bujang sebagaimana jadual 1 seperti dibawah..

Jadual 1: Jumlah Pendaftaran Kes Sekyen 12(2) EUUKIS & Sekyen 23(2) EUUKIS di Mahkamah Rendah dan Tinggi Syariah Selangor

TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018	JUMLAH
DAFTAR SEK. 12(2) (Pendaftaran Pernikahan Bujang/Duda)	176	413	614	634	541	2378
DAFTAR SEK. 23(2) (Pendaftaran Pernikahan Poligami)	392	479	621	773	614	2879

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

Pasangan yang telah melanggar undang-undang perlu mendaftarkan pernikahan mereka menerusi seksyen 23(2) dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003. Namun terdapat kes yang tidak dapat didaftarkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan dan terpaksa ditolak. Namun, masih terdapat kekeliruan dan pelanggaran terhadap proses pendaftaran perkahwinan poligami yang membawa kepada penolakan kes di Mahkamah Syariah. Peruntukan yang ada di dalam enakmen ini adalah untuk memastikan setiap perkahwinan yang dilakukan sama ada dalam negeri mahupun di luar negeri itu adalah sah mengikut syarak dan perundangan Malaysia. Dengan ketetapan itu juga, perkahwinan luar negeri boleh direkodkan dan didaftarkan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam. Tambahan pula pendaftaran perkahwinan ini penting demi keadilan dalam persoalan harta, penjagaan anak dan perwalian dalam perkahwinan. Malahan ianya memberi kepentingan kepada negara dari aspek membantu pemerintah dalam merancang pembangunan yang tepat melalui rekod kelahiran, perkahwinan, pekerjaan dan sebagainya. (Nur Hidayah Abdul Karim & Siti Hajar Abdul Rauf, 2020).

Sorotan Literatur

Pendaftaran pernikahan poligami adalah perkahwinan yang akan diiktiraf oleh Undang-Undang Islam di Malaysia sekiranya telah didaftarkan di bawah seksyen 23(2) Enakmen Undang-undang keluarga Islam Selangor contohnya dan didakwa dibawah seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor. Bahkan amalan berpoligami tidak mengikut prosedur telah menjadi kebiasaan di kalangan penduduk Islam di Malaysia. Perbincangan mengenai isu poligami telah banyak disentuh oleh pelbagai pihak dalam bentuk penulisan sama ada dari kalangan ulamak-ulamak dahulu dan sekarang, ahli-ahli akademik, pegawai mahupun kakitangan agama di sektor awam dan sektor swasta. Ini dapat dibuktikan melalui kajian-kajian mengikut tema yang telah dibuat sebelum ini di antaranya ialah:

a) Prosedur Pendaftaran Poligami

Berdasarkan sorotan literatur, kajian-kajian terdahulu telah membincangkan prosedur pendaftaran poligami secara meluas, meliputi aspek perundangan, tatacara pentadbiran dan

implikasi sosial. Kajian ini turut menekankan keperluan pematuhan prosedur demi memastikan perkahwinan yang sah di sisi hukum syarak dan undang-undang negara. Raihanah Abdullah (2003) sebagai contoh, telah mengulas dalam kajiannya yang banyak menyentuh tentang peruntukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang negeri bagi permohonan poligami dan menegaskan hak-hak isteri yang patut diberi penekanan oleh pihak suami sebelum berpoligami lagi. Kajian oleh Muslim Ibrahim Muhammad Safiq Imran bin Samsudin (2018) berkaitan dengan prosedur poligami di Malaysia yang masih tidak seragam kerana setiap negeri menggunakan prosedur yang tersendiri. Artikel tersebut membincangkan dua perkara iaitu; bagaimana prosedur poligami di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan dan bagaimana tinjauan hukum Islam terhadap perbezaan prosedur poligami yang ada di Wilayah Persekutuan dan prosedur yang ada di negeri Terengganu.

Nik Muhammad Syawal Fitri bin Mohd Noor (2019) mengkaji perbandingan prosedur poligami di Indonesia dan Malaysia (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002) - Kajian mereka mendapati terdapat persamaan dan juga perbezaan yang agak ketara antara dua negara ini terutama tiada istilah pendaftaran pernikahan poligami bagi yang tidak mengikut prosedur di negara Indonesia berbanding di Malaysia ada peruntukkan yang diberikan sebagaimana seksyen 23(2) dalam Enakmen undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan tertakluk dengan penalti yang akan dikenakan bagi yang melanggar peraturan.

Abd Rahman (2022) menghuraikan secara terperinci proses pengendalian permohonan poligami di Mahkamah Syariah termasuk keperluan dokumen pendapatan, penilaian keadilan terhadap isteri, serta kelulusan Mahkamah sebagai asas kepada pendaftaran yang sah. Borhan (2023) membincangkan keperluan mendapatkan kebenaran Mahkamah Syariah sebelum berpoligami, selaras dengan Seksyen 23 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Beliau menekankan bahawa birokrasi dan kerumitan prosedur menjadi faktor suami mengabaikan proses sah dan memilih untuk berkahwin secara tidak rasmi.

b) Faktor Poligami Tanpa Izin

Kajian yang dijalankan oleh Amir Husin Md Nor dan Siti Safwati Mohd Shari (2003) memfokuskan kepada penilaian terhadap faktor-faktor yang mendorong berlakunya pernikahan tanpa kebenaran di luar negara. Penyelidikan tersebut berasaskan analisis kes-kes yang dikendalikan di Mahkamah Syariah Muar, Johor sebagai lokasi kajian utama. Namun begitu dimasukkan juga faktor pernikahan tanpa izin berlaku adalah kerana poligami yang mendapat tentangan dari isteri pertama atau isteri sedia ada dan ingin mengelak dari diketahui oleh pihak tertentu seperti majikan, keluarga, pihak berkuasa agama tempatan dan isu prosedur yang menyukarkan.

Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof. (2012) telah menjalankan kajian berkaitan nikah sindiket di sekitar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah mendapati poligami tanpa izin juga terbabit dan menjadi faktor berlakunya pernikahan secara sindiket. Roslan dan Yusuf (2021) menekankan peranan pendidikan masyarakat dan pentingnya pengetahuan tentang undang-undang keluarga Islam dalam mencegah amalan poligami tidak sah. Noraini dan Fadhlina (2023) meneliti faktor-faktor utama poligami tanpa izin Mahkamah seperti kurangnya kesedaran undang-undang, halangan daripada isteri pertama, dan kecenderungan suami mencari jalan mudah melalui nikah tidak rasmi.

c) Kajian Kes Perkahwinan Luar Negara

Penelitian oleh Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi (2015) menumpukan kepada aspek analisis faktor dan implikasi perkahwinan tidak mengikut prosedur juga telah mendapati poligami merupakan faktor utama berlakunya perkahwinan tidak mengikut prosedur. Dalam kajiannya juga mendapati peningkatan kadar perkahwinan tidak mengikut prosedur kerana kekurangan maklumat tentang prosedur perkahwinan juga berkaitan kesan dan hukuman perkahwinan tidak mengikut prosedur menurut Undang-undang Keluarga Islam .

Kajian Noor Salwani binti Hussin (2015) pula telah mengenal pasti kedudukan perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, meneliti beberapa faktor utama yang menyebabkan pasangan mengambil tindakan berkahwin di luar negara serta menganalisis kesan perkahwinan tanpa kebenaran terhadap pasangan terlibat dan keluarga serta kehidupan bermasyarakat. Hussin dan Talib (2022) memberi tumpuan kepada kes-kes perkahwinan luar negara yang tidak didaftarkan semula di Malaysia, menyorot implikasi undang-undang terhadap pasangan dan anak-anak mereka. Zain (2023) mengkaji peningkatan kes perkahwinan rentas sempadan, khususnya di Thailand, dan kesannya terhadap sah taraf perkahwinan serta keperluan pengesahan Mahkamah sebelum pendaftaran sah dapat dilakukan..

d) Implikasi Kepada Status Isteri Dan Anak

Jamliah Abdullah (2023) melaporkan enam peratus nikah Siam adalah tidak sah termasuk kahwini isteri orang. Pejabat Agama Kota Setar Kedah menyatakan antara 10 sehingga 15 pendaftaran melibatkan pernikahan di Thailand setiap bulan termasuk 6 peratus daripada kes itu didapati tidak sah. Awang (2024) mengupas implikasi undang-undang terhadap anak yang dilahirkan dalam perkahwinan yang tidak didaftarkan, termasuk isu kewarganegaraan, hak penjagaan dan kebajikan anak. Maruan et al. (2025) menekankan kesan besar perkahwinan tidak sah terhadap wanita dan kanak-kanak, termasuk kehilangan hak tuntutan nafkah, status perundangan dan kesukaran mendapat dokumentasi rasmi.

Secara umum berdasarkan kajian-kajian yang ada banyak menjurus kepada konsep dan peruntukkan poligami sama ada dari sudut kajian fiqh dan perundangan. Sebahagian juga mengulas berkaitan poligami tidak mengikut prosedur yang mana timbul masalah hak-hak isteri dan harta pusaka yang dinafikan. Berdasarkan kajian lepas juga isu faktor pernikahan poligami tanpa kebenaran juga diperkatakan lebih-lebih lagi pernikahan di sempadan. Namun belum ada kajian secara spesifik berkaitan kes pendaftaran poligami yang ditolak dikaji secara mendalam sedangkan isu ini sangat penting untuk diketahui umum agar tiada lagi pernikahan yang tidak sah dan tidak dapat didaftarkan.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang menjadi pilihan untuk kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Kualitatif adalah merupakan kaedah kajian yang digunakan untuk meneroka dan mendalami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu permasalahan atau fenomena manusia dan komuniti. Ia berkait rapat dengan kualiti atau mutu yang disandarkan kepada mutu sebuah konteks yang merupakan objektif utama penyelidikan (Marohaini, 2001; Othman, 2007). Kajian ini telah menggunakan gabungan instrumen analisis dokumen dan fail-fail kes untuk meraih maklumat berkaitan dengan kajian.

Mengenai metod analisa data pula, kajian ini menggunakan metod analisa dokumen kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam isu-isu melalui analisis kes-kes

mahkamah yang berkaitan. Analisis dokumen merujuk kepada penjelasan secara objektif dan teratur terhadap informasi-informasi yang wujud secara tersurat sama ada melalui penelitian terhadap bahan bersumberkan media cetak, gambar, visual penyiaran, literasi kesusasteraan, literasi kepustakaan dan manuskrip (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2015). Justeru, kajian ini juga mempunyai maklumat hasil daripada analisis kandungan yang diambil daripada 20 fail-fail kes pemilihan secara purposif atau secara bersasar berkaitan kes pendaftaran poligami, paparan akhbar, jurnal, artikel, kolokium, prosiding kes di mahkamah serta hasil maklumat daripada sesi temubual pihak yang berautoriti. Fail-fail yang dipilih adalah terdiri dari fail kes yang telah selesai dari tahun 2014 sehingga tahun 2018 dan data telah mula dikumpul sejak tahun 2022 sehingga 2024. Seterusnya data kajian dianalisa secara tematik dengan mengenal pasti tema-tema utama yang dipilih daripada dokumen penghakiman mahkamah secara manual. Tema analisis kajian ini adalah terdiri dari tempoh pendaftaran, tempoh perbicaraan, lokasi pernikahan dan faktor penolakan. Terdapat juga analisis kandungan yang dilakukan terhadap dokumen-dokumen atau kajian yang dijalankan oleh pengkaji lain dari pebagai Universiti di Malaysia. Kajian ini juga meneliti akta dan enakmen pendaftaran perkahwinan berkait dengan poligami.

Dapatan dan Perbincangan

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan corak permohonan pendaftaran poligami tanpa kebenaran, data kuantitatif telah dianalisis berdasarkan tempoh perkahwinan sebelum permohonan didaftarkan. Analisis ini memberi fokus kepada trend dan tempoh masa yang diambil oleh pemohon untuk mendaftarkan pernikahan mereka di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Terdapat sebanyak 5 kategori tempoh yang telah dikenalpasti sepanjang 5 tahun bagi kes permohonan pendaftaran poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dari tahun 2014 sehingga tahun 2018. Sebagaimana jadual dan carta 1 seperti dibawah.

Jadual 2: Tempoh Pendaftaran Kes Selepas Pernikahan dalam permohonan pendaftaran poligami

Tahun	< 6 Bulan	< 1 tahun	< 5 Tahun	< 10 Tahun	>10 Tahun
2014	2			2	
2015			1	2	1
2016	2	1	1		
2017	1			2	1
2018		2	1	1	
Jumlah Keseluruhan	5 (25%)	3 (15%)	3 (15%)	7 (35%)	2 (10%)

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

Jadual 2 menunjukkan statistik antara tahun 2014 sehingga tahun 2018, iaitu dalam tempoh 5 tahun kes yang menunjukkan tempoh pendaftaran kes selepas pernikahan dalam permohonan pendaftaran poligami iaitu sebanyak 35% daripada keseluruhan 20 kes, iaitu melibatkan 7 kes, didapati telah didaftarkan dalam tempoh antara lima hingga sepuluh tahun selepas perkahwinan berlangsung ini merupakan kes yang paling banyak dalam tempoh tersebut. Daripada keseluruhan 20 kes yang dianalisis, sebanyak 25% atau 5 kes telah didaftarkan dalam tempoh kurang daripada enam bulan selepas perkahwinan berlangsung. Sementara itu, sebanyak 15% atau 3 kes didaftarkan dalam tempoh antara enam bulan hingga satu tahun. Selain itu, 10% atau 2 kes pula melibatkan pendaftaran yang dilakukan selepas lebih daripada sepuluh tahun perkahwinan berlangsung. Kajian mendapati dalam tempoh paling singkat atau cepat

didaftarkan dalam dalam tempoh 1 bulan. Manakala tempoh paling lewat atau lama didaftarkan adalah selama 17 tahun 2 bulan 4 hari.

Durasi prosiding merupakan lama masa perbicaraan sesuatu kes atau prosiding kes dari mula pendaftaran sehingga selesai keputusan diberikan. Ianya berbeza dengan tempoh masa pendaftaran dan pernikahan. Isu perbicaraan kes permohonan pendaftaran poligami yang sering dikatakan rigid dan lambat telah mendapat perhatian pengkaji agar kajian tempoh masa perlu dijalankan. Dalam analisis terhadap tempoh masa perbicaraan permohonan pendaftaran poligami dari tahun 2014 sehingga 2018 telah mendapati hasil dapatan seperti berikut.

Jadual 3: Tempoh masa prosiding kes permohonan pendaftaran poligami

Tahun	<3 Bulan	< 6 Bulan	< 1 Tahun	> 1 Tahun
2014	1	1	2	
2015		2	1	1
2016	1	2	1	
2017	2	1	1	
2018		3	1	
Jumlah Keseluruhan	4 (20%)	9 (45%)	5 (25%)	1 (5%)

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

Jadual 3 menunjukkan statistik antara tahun 2014 – 2018, iaitu dalam tempoh 5 tahun, kebanyakan kes dapat diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan sehingga setahun iaitu sebanyak 45% yang mewakili 9 kes menjalani tempoh perbicaraan tidak daripada 20 kes keseluruhannya. Tempoh masa paling singkat kes diselesaikan tidak melebihi 3 bulan sebanyak 20% yang mewakili 4 kes telah menjalani tempoh daripada 20 kes keseluruhannya. Kajian mendapati tempoh paling singkat adalah selama 11 hari . Manakala tempoh masa paling lama kes diselesaikan melebihi 1 tahun sebanyak 5% yang mewakili 1 kes telah menjalani tempoh perbicaraan melebihi 1 tahun daripada 20 kes keseluruhannya. Kajian mendapati tempoh paling lama adalah selama 1 tahun 12 hari.

Daripada jadual di atas terdapat 10 kes yang telah ditolak oleh mahkamah. Walaupun jumlahnya kecil namun kajian telah dibuat terhadap fail-fail tersebut berkaitan penolakan mahkamah terhadap permohonan pendaftaran poligami. Antara faktor yang dikenal pasti mendorong kepada pendaftaran pernikahan poligami tanpa kebenaran termasuklah beberapa pelanggaran terhadap syarat dan prosedur pernikahan yang ditetapkan oleh undang-undang syariah. Pertama, terdapat kes yang melibatkan penggunaan jurunikah palsu yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa agama. Kedua, pernikahan dijalankan oleh jurunikah yang tidak mempunyai tauliah yang sah, walhal wali nasab masih wujud. Ketiga, ada pasangan yang menggunakan wali tidak sah, seperti pakcik sebelah ibu yang bukan wali mujbir. Keempat, pernikahan dijalankan dengan wakil wali (wakil wali) kepada individu yang tiada tauliah sebagai jurunikah. Kelima, terdapat isteri yang gagal mengemukakan bukti sah perkahwinan terdahulu dan perceraian yang sah, sekaligus menimbulkan keraguan terhadap status dirinya. Keenam, dalam beberapa kes, pasangan menggunakan surat nikah palsu yang sebenarnya milik individu lain. Ketujuh, terdapat juga kes di mana pihak isteri gagal membuktikan secara dokumentasi perceraian daripada perkahwinan terdahulu. Kesemua faktor ini menunjukkan kelemahan dari segi pematuhan terhadap hukum syarak dan prosedur undang-undang yang sah, serta memberi kesan terhadap keesahan perkahwinan tersebut di sisi undang-undang syariah. Sebagaimana dinyatakan dalam penghakiman bertulis oleh Yang Ariff Tuan Zakian Dio dalam

kes 10100-012-0369-2014 di antara Nor Asikin b. Mohd Yunos@ Ahmad Afiat(P1) dan Sukinem(P2) yang mana pernikahan telah berlaku pada 5 Mei 2008 di sebuah rumah di Rantau Panjang Klang Selangor dan telah didaftarkan pada 11 November 2014. Kes ini berkeputusan pada 23 Jun 2015 iaitu permohonan tidak diluluskan kerana pernikahan P(1) dan P(2) tidak mengikut hukum syarak dan menyebabkan rukun nikah tidak sempurna. kerana P2 tidak mengemukakan sijil cerai sebelum bernikah dengan P1. Manakala dalam alasan penghakiman YA Tuan Fouzi Mokhtar dalam kes 10400-012-0021-2016 di antara Syainna bt. Mohd Anuar(P1) dan Bakhtiar b. Ibrahim (P2) yang mana pernikahan telah berlaku pada 16 Ogos 2015 di Sutra Beach Resort Terengganu dan telah didaftarkan pada 15 Januari 2016. Kes ini berkeputusan pada 24 Februari 2016 iaitu kes ditolak dan difaraqkan kerana telah dinikahkan oleh pakcik sebelah ibu (P1) sedangkan ayah (P1) masih hidup.

Jadual 4: Status Lulus atau Di Tolak berdasarkan Lokasi Pernikahan

Tahun	Dalam Negara	Lulus	Tolak	Luar Negara	Lulus	Tolak
2014	2		2	2	2	
2015	1		1	3	2	1
2016	2		2	2	2	
2017				4	2	2
2018	2		2	2	2	
Jumlah Keseluruhan	7		7	13	10	3

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

Jadual 4 menunjukkan statistik antara tahun 2014 – 2018, iaitu dalam tempoh 5 tahun, terdapat 7 kes pernikahan dalam negara yang mana kesemua kes kes tersebut telah ditolak iaitu tidak dapat didaftarkan. Manakala 13 kes lagi pernikahan luar negara dengan keputusannya 10 kes telah diluluskan dan 3 kes lagi telah ditolak. Kes yang di dalam negara telah berlaku pernikahan di Klang Selangor, Kuala Lumpur, Sg Buloh Selangor, Hulu Klang Selangor, Kajang Selangor, Terengganu dan Tanjung Malim Perak. Manakala kes yang diluar negara telah berlaku sebanyak 11 kes di negara Thailand , 1 kes di Mesir dan 1 kes di Indonesia sebagaimana dalam jadual 5 seperti di bawah.

Jadual 5: Lokasi Pernikahan

Tahun	Dalam Negara	Luar Negara
2014	2	2
2015	1	3
2016	2	2
2017		4
2018	2	2
Jumlah Keseluruhan	7	13

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

Dapatan kajian kes-kes pendaftaran poligami di atas adalah merangkumi data tempoh pendaftaran kes selepas pernikahan., data tempoh masa prosiding kes pendaftaran poligami, data status lulus atau di tolak berdasarkan lokasi pernikahan dan data lokasi pernikahan dalam negara atau luar negara. Analisa mendapati tempoh pendaftaran poligami paling tinggi adalah antara 5 hingga 10 tahun selepas pernikahan barulah didaftarkan. Manakala prosiding kes pula majoriti dapat diselesaikan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan sahaja. Hasil analisa ini juga

mendapati 13 kes (65%) daripada 20 kes pernikahan dijalankan diluar dari Malaysia (luar negara) dan pernikahan dalam Malaysia sebanyak 7 kes (35%). Analisa ini juga mendapat 10 kes (50%) telah diluluskan dan dapat didaftarkan yang terdiri dari pernikahan yang berlaku diluar negara. Manakala 10 kes (50%) telah ditolak dan tidak dapat didaftarkan yang terdiri dari 7 kes yang berlaku di dalam Malaysia dan 3 kes yang berlaku di luar negara.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap kes-kes pendaftaran pernikahan poligami di bawah Seksyen 23(2), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, didapati bahawa terdapat pelanggaran terhadap rukun pernikahan, khususnya berkaitan isu wali, ketiadaan tauliah bagi jurunikah, serta status isteri yang tidak jelas sama ada telah bercerai atau masih berstatus isteri orang semasa pernikahan berlangsung. Majoriti pernikahan yang dikaji turut dilangsungkan di luar negara, manakala semua pernikahan yang berlaku di dalam negara telah didapati tidak sah dan tidak diluluskan oleh Mahkamah Syariah untuk didaftarkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa perkahwinan yang tidak mematuhi ketetapan Enakmen memberi implikasi negatif yang signifikan, bukan sahaja kepada pasangan suami isteri, malah turut menjejaskan kebajikan dan status perundangan anak-anak yang dilahirkan hasil perkahwinan tersebut.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan sama ada dari sudut kawangan atau hubungan peribadi atau hubungan kekeluargaan dalam penulisan artikel ini. Perkara ini amat penting bagi mengekalkan keaslian dan ketulenan bagi menghasilkan kualiti yang terbaik sepanjang penulisan artikel ini berlangsung.

Rujukan

- Al Quran Tafsir pimpinan Ar Rahman (2001): JAKIM
- Abd Rahman, A. (2022). The Legal Requirements and Court Procedure in Polygamy Application under Islamic Family Law. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 220–234.
- Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali. (2012). Memahami Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amir Husin Md Nor dan Siti Safwati Mohd Syariff . (2003) *Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Muar*: UKM: Jurnal Syariah 14:2 2006.
- Awang, N. (2024). Hak Isteri dan Anak dalam Perkahwinan yang Tidak Didaftarkan: Satu Kajian Undang-Undang. *Al-Ahwal: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 17(1), 58–70.
- Borhan, N. (2023). Permohonan Poligami di Mahkamah Syariah: Kajian Kes di Negeri Selangor. *Jurnal Al-Qanatir*, 19(1), 88–103.
- Jamliah Abdullah (16 Januari 2023) Utusan Malaysia: *Enam peratus nikah Siam tak Sah termasuk kahwini Isteri Orang*
- Hussin, N. & Talib, S. (2022). *Perkahwinan Luar Negara dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Analisis Kes Mahkamah Syariah. Proceedings of International Conference on Syariah Law (ICONSYAL), 110–125.*
- Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof.(2012). *Nikah Sindiket Di Malaysia. Nilai*: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Muslim Ibrahim, Muhammad Safiq Imran bin Samsudin (2018) *Prosedur Poligami di Malaysia (Analisis Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan) Vol. 2 No. 1 (2018): Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*
- Maruan, N. H., Fauzi, F. M., & Rosidi, M. H. (2025). Addressing Unregistered Marriages in Malaysia: A Maqasid al-Shariah Approach to Legal Challenges and Women’s Protection. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(6), 6104–6113.
- Marohaini Yusoff. (2001). Pertimbangan Kritikal Dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif. Dlm Marohaini Yusoff.(pnyt.). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 35-60. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: a guide to design and implementation*. San Francisco :Jossey-Bass.
- Nik Muhammad Syawal Fitri Bin Mohd Noor (2019) “Prosedur Poligami Di Indonesia Dan Malaysia (Studi Komperatif Antara Undang-Undang No.1 Tahun 1974 Dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002)”.
- Raihanah Abdullah (2003) *Berpoligami: Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia* Raihanah Hj. Abdullah *Jurnal Syariah*, 11: 1 [2003 J 131-146
- Noraini Mohd Noor & Fadhlina Sidek (2023). Faktor Poligami Tanpa Izin Mahkamah dalam Kalangan Pasangan Muslim di Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 28(2), 75–91.
- Roslan, S. & Yusuf, M. H. (2021). Kesedaran Masyarakat terhadap Prosedur Poligami Menurut Undang-Undang Keluarga Islam. *Al-Qanatir International Journal*, 17(2), 102–116.
- Zain, M. N. M. (2023). Perkahwinan Rentas Sempadan: Isu dan Cabaran dalam Pengesahan Nikah di Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang*, 31(1), 65–84.

Nombor Dan Senarai Kes

10100-012-0369-2014. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam . antara Nor Asikin b. Mohd Yunos@ Ahmad Afiat dan Sukinem

104000-012-0021-2016. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam antara Syainna bt. Mohd Anuar dan Bakhtiar b. Ibrahim